

arah jalan, anda hendaklah cuba menjauhi diri dengan jarak yang selamat dengan cara yang sopan.

- Anda akan lebih selamat jika berjalan dengan teman. Elakkan daripada menggunakan jalan pintas melalui lorong-lorong yang gelap atau kawasan terpencil, dan sentiasa menggunakan jalan yang terang.
- Simpan kad pengenalan, lesen memandu, kad kredit dan sebagainya di dalam poket ataupun poket yang tersembunyi supaya anda tidak kehilangan semua dokumen sekali gus.

### Apakah yang perlu anda lakukan sekiranya dirompak

- Jangan melawan balik. Cuba bertenang dan elakkan daripada melawan khususnya jika perompak tersebut menggunakan senjata.
- Seandainya beg tangan anda diragut, anda seharusnya melepaskannya untuk mencegah daripada sebarang kecederaan. Campakkan beg tangan anda sejauh yang boleh dan terus melarikan diri ke arah yang bertentangan. Biasanya peragut lebih berminat kepada beg tangan anda.
- Jika dompet atau beg tangan anda telah disamun, anda hendaklah melaporkan kepada polis dengan segera dan memaklumkan kepada bank serta syarikat pengeluaran kad kredit anda supaya mereka membatalkan kad ATM dan kad kredit tersebut.
- Cuba teliti dan mengingati gambaran tentang peragut seperti wajah, warna kulit, pakaian, pergerakan dan ciri-ciri fizikal yang lain (seperti tatu). Maklumat ini mungkin dapat menyelamatkan orang lain.
- Cuba teliti cara penjenayah melarikan diri

seperti nombor pendaftaran kenderaan, warna serta jenis kenderaan. Anda juga perlu mengingati arah perjalanan kenderaan tersebut.

- Hubungi 999 atau pergi ke balai polis yang berdekatan dengan segera.

### Awas!

- Anda perlu berwaspada apabila membuat transaksi dengan wang yang banyak kerana mungkin ada orang yang sedang memerhatikan anda. Anda perlu meminta bantuan lebih daripada seorang teman sekiranya melibatkan jumlah wang yang besar.
- Sekiranya tayar kenderaan anda pancit dan anda sedang membawa sejumlah wang yang besar, ini mungkin satu muslihat penjenayah untuk memperdaya anda. Anda harus memandu ke tempat yang terdedah kepada orang ramai atau memandunya balik ke bank dan meminta kawan/ahli keluarga untuk datang menjemput anda.
- Jangan menggunakan jalan yang sama setiap kali anda membuat transaksi. Cuba gunakan jalan yang berbeza dan menukar masa membuat transaksi wang bagi mengelirukan orang yang sedang memerhatikan anda.
- Apabila masuk dan keluar daripada tempat transaksi, anda perlu berhati-hati dan berwaspada terhadap sesuatu yang meragukan, terutamanya dua atau lebih orang yang sedang menunggu di sisi kereta ataupun orang yang sedang 'berkeliraran' di kawasan transaksi.
- Jangan menarik perhatian orang ramai bahawa anda sedang membawa jumlah wang yang banyak dan jangan mengira wang di tempat awam.



**PERUBAHAN  
BERMULA DENGAN SAYA**  
KEMPEN KONSUMER  
KEBANGSAAN 2008 - 2012

## PERLINDUNGAN DIRI



Ke Arah Penggunaan Berhemat

[www.kkk.org.my](http://www.kkk.org.my)

Terbitan



**CRRC**  
Consumer  
Research and  
Resource Centre  
(833010-H)

Disokong oleh



## Kes ragut

Sejak kebelakangan ini, kes ragut semakin menjadi-jadi sehingga menimbulkan keresahan. Kejadian jenayah ini berlaku dengan pantas sehingga anda tidak dapat mengenal pasti identiti pencuri tersebut. Kes-kes ragut boleh berlaku pada anda atau orang yang anda sayangi. Ia bukan sahaja boleh memberi kesan buruk dari segi fizikal serta kewangan, tetapi juga meninggalkan rasa trauma (ketakutan) untuk jangka masa yang panjang.

Walaupun pencegahan jenayah merupakan kewajipan dan tanggungjawab pasukan polis, namun ia tidak akan berjaya sekiranya tidak mendapat kerjasama dan penglibatan masyarakat. Anda hendaklah sentiasa beringat bahawa jenayah boleh berlaku di mana-mana tempat, pada bila-bila masa dan kepada sesiapa sahaja.

Terdapat banyak kes ragut yang si mangsa cuba melawan peragut, kemudiannya mengakibatkan si mangsa kehilangan nyawa ataupun mengalami kecederaan yang teruk. Oleh hal yang demikian, kita perlu sedar bahawa keselamatan diri perlu diutamakan pada setiap masa. Kita seharusnya mengambil langkah-langkah berjaga-jaga untuk mengelak daripada kes-kes tersebut. Oleh itu, anda sepatutnya mengamalkan langkah-langkah pencegahan jenayah untuk keselamatan diri sendiri.

## Amalan Pencegahan Jenayah

Bagi mengamalkan langkah-langkah pencegahan jenayah, anda perlu sentiasa ingat bahawa:

- Kebanyakan penjenayah pandai mengambil kesempatan.
- Jangan menyediakan peluang untuk

dijadikan mangsa jenayah.

- Mengikuti aliran trend dan isu-isu jenayah.
- Menjaga diri sendiri dan melindungi barang anda.
- Mengetahui langkah-langkah pencegahan jenayah.

## Bagaimana ia boleh berlaku

- Penjenayah cuba mendekati mangsa dengan alasan untuk memulakan perbualan atau meminta pertolongan.
- Meragut beg tangan daripada belakang.
- Mengotorkan pakaian si mangsa (dengan sengaja) dan menawarkan pertolongan untuk membersihkan kotoran tersebut.
- Memberitahu mangsa bahawa wangnya terjatuh ataupun memberikan alasan-alasan remeh-temeh yang lain untuk menarik perhatian mangsa ataupun ingin meminjam sesuatu daripada si mangsa (seperti telefon bimbit, wang).

## Sasaran Peragut

Peragut menyasarkan mangsa yang dianggap tidak mampu untuk melawan balik. Sasaran biasanya:

- Beg tangan yang mudah diragut (beg tangan yang tidak dipegang kuat).
- Barang-barang yang dibiarkan begitu sahaja/terabai.
- Wanita yang berjalan bersendirian.
- Orang yang berjalan melalui lorong gelap ataupun kawasan yang tidak berpenghuni.
- Orang yang membawa bersama banyak barang yang berharga (seperti emas, telefon bimbit dan wang).

## Jangan menjadi mangsa



- Elakkan daripada membawa wang yang banyak dan menunjuk-nunjuknya di tempat awam. Anda seharusnya membawa wang yang secukupnya sahaja.
- Jangan menarik perhatian orang ramai dengan memakai barang kemas yang mahal.
- Gunakan dompet sebagai ganti kepada beg tangan yang besar.
- Jangan sekali-kali meninggalkan atau mengabaikan beg tangan anda di dalam troli ataupun bakul beli-belah di tempat awam.
- Semasa makan malam di hotel, restoran atau medan selera yang lain, jangan letakkan beg tangan atau komputer riba di atas meja atau menggantungnya pada kerusi. Sekiranya anda ingin mengambil makanan di meja jamuan berselerak, anda hendaklah meminta kenalan yang berada berdekatan dengan anda untuk menjaga barang anda. Kalau tidak, anda perlu membawakan barang-barang tersebut bersama-sama anda.
- Berjalan mengikut arah yang bertentangan dengan aliran lalu lintas.
- Pastikan bahawa beg tangan ataupun beg yang bertali dihadapkan pada bahagian

badan yang tidak menghadap kepada jalan raya. Pegang beg tersebut di bahagian hadapan ataupun menggenggamkannya dengan ketat di celah tangan anda.

- Elakkan tempat-tempat yang terdapat ramai orang. Anda juga perlu mengelak daripada tolak-menolak semasa menaiki kenderaan awam.
- Jangan meninggalkan barang anda di tempat duduk penumpang semasa memandu.
- Pastikan bahawa pintu dan tingkap kereta telah dikunci sebaik sahaja memasuki kereta. Semasa turun daripada kereta, anda perlu berhati-hati terhadap orang yang berada di sekeliling anda.
- Sentiasa berwaspada terhadap keadaan persekitaran semasa berjalan. Sekiranya anda mengesyaki bahawa anda sedang diekori, anda hendaklah berjalan ke tempat orang yang terdapat ramai orang ataupun menghubungi pihak polis untuk mendapatkan bantuan.
- Semasa anda menggunakan lif secara bersendirian, anda perlu berdiri di sisi panel kawalan lif tersebut. Tekan butang "Buka Pintu Lif" dan keluar daripada lif jika ada orang yang tidak dikenali memasuki lif secara terburu-buru. Sekiranya anda tidak mampu berbuat demikian, anda hendaklah keluar di tingkat yang seterusnya dan menggunakan tetangga ataupun menunggu lif yang lain.
- Berwaspada terhadap orang yang tidak dikenali yang mengekori anda atau orang yang melepak di sekeliling lif atau kawasan yang terpencil.
- Minta bantuan kawan atau ahli keluarga untuk menemani anda apabila anda pulang lewat ke rumah.
- Sekiranya ada orang ingin bertanyakan